



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 4

24hb Februari 2011

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 248.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Vijaya a/p Krishnan @ Raneesamy yang beralamat di 64 Lorong Bukit Setongkol Maju 11, Jalan Bukit Setongkol, 25200 Kuantan, Pahang dan/atau 157 Lorong Sri Kemunting 10, Perkampungan Sri Kemunting, 25100 Kuantan, Pahang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai Malayan Banking Berhad dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada 16 Mac 2011 jam 3.15 petang bertempat Kamar Bicara Tingkat Bawah.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—18389. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 17760. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1054/2006. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.4882]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan

No. 249.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ramani a/l P Govindan dan Veni a/p Ramadoo yang beralamat di 61 Lorong IM 2/47, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan dan/atau 1 Lorong IM 2/47, Perumahan Pasdec Makmur, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan dan/atau 54 Lorong 47/2, Pasdec Indera Mahkota, 25200 Kuantan dan/atau 46 RRM Lorong 32, Semambu, 25350 Kuantan dan/atau 20 Jalan Sama Gagah, 20 Taman Teluk Gedung Indah, 44200 Port Klang, Selangor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada 17 Mac 2011 jam 3.45 petang bertempat Kamar Bicara Tingkat Bawah.

Maka oleh yang demikian, menurut subseksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—23729 (Lot 37627). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 20283 (P.M. 18298). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 4225/2002. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.4815]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan

No. 250.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ra'azmi bin Mat Nor dan Hema Wan Merlini binti Wan Hamat yang beralamat di 4/2 Kampung Razali, Batu 4, Jalan Gambang, 25150 Kuantan dan/atau 5 Blok 47, Lorong IM 1/21, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai Malaysia Building Society Berhad dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Kuantan pada 17 Mac 2011 jam 3.30 petang bertempat Kamar Bicara Tingkat Bawah.

Maka oleh yang demikian, menurut subseksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—32539. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 73. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 8292/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.4888]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 251.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Noor Atikah binti Mokhtar, Penolong Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 9 Mac 2011 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM150,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM127,594.61. Nama Pemegang Gadaian: RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM15,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu sahaja).
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 6 Julai 2011 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang. No. P.T.—10389 (Lot 11056). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 7932 (P.M. 2002). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 709/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 8 Disember 2010
[PTK. 4.5.1.4846]

*Penolong Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 252.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Noor Atikah binti Mokhtar, Penolong Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 9 Mac 2011 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM60,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM79,807.03. Nama Pemegang Gadaian: Bank Simpanan Nasional.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu sahaja).
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 6 Julai 2011 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—34386 (Lot 42076). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 31063 (G.M. 21138). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 4083/2004. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 8 Disember 2010
[PTK. 4.5.1.4848]

*Penolong Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 253.

[Subseksyen 264(3)]

PENANGGUHAN LELONGAN AWAM

Kepada Dato' Mahindar Singh s/o Harcharan Singh dan Sant Singh s/o Harcharan Singh @ Harchan Singh yang beralamat di d/a Mahindar & Co., 26 Jalan Teluk Sisek, 25200 Kuantan dan kepada Pengurus CIMB Bank Berhad yang beralamat di Tetuan Mohd Sofian & Co., 237, 1st Floor, Lorong Tun Ismail 1, Off Jalan Tun Ismail 1, Udarul Aman Complex, 25000 Kuantan, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam bagi tanah/pajakan/ pajakan kecil tersebut yang telah ditetapkan pada 25 Julai 2007 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Kuantan, ditangguhkan.

Dan saya memerintahkan supaya penjualan melalui lelongan awam itu hendaklah diadakan pada 9 Mac 2011 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan dengan harga rizab bagi maksud jualan ialah RM240,000.00.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—13374. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5342. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2719/80, Jilid 83, Folio 92. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.3811]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 254.

[Subseksyen 265(2)]

LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Shafie bin Sulaiman yang beralamat di 3 Lorong 78, Perkampungan Sungai Isap 1, 25150 Kuantan dan/atau 3 Lorong Jaya Gading 22, Taman Sri Gading, 26070 Kuantan dan kepada Pengurus Malaysia Building Society Berhad yang beralamat di Tetuan Zainab Derahman & Suzana, A 11 Tingkat 2, Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2, 25000 Kuantan, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 1 Disember 2010 telah ditarik balik disebabkan tiada penyambut/pembeli.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 9 Mac 2011 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan dengan harga rizab sebanyak RM54,000.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—26573. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9980. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3187/2005. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.4701]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 255.

[Subseksyen 265(2)]

LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Mohamed Sidek bin Wok dan Rozilah binti Abdul Rahman yang beralamat di DS 6, Kg. Sri Damai, Jalan Gambang, 25150 Kuantan dan kepada Pengurus CIMB Bank Berhad yang beralamat di Tetuan Rosni, Francis Tan & Ho, 63, 1st Floor & 2nd Floor, Jalan Melati, 28400 Mentakab, Pahang, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 1 Disember 2010 telah ditarik balik disebabkan tiada penyambut/pembeli.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 9 Mac 2011 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan dengan harga rizab sebanyak RM243,000.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—52519. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 43292. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 10673/2005. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.4722]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

No. 256.

[Subseksyen 265(2)]

LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Rohizad bin Rhazali yang beralamat di 32 Lorong Sungai Ular Jaya 10, Perkampungan Sungai Ular Jaya, Jalan Kuantan-Kemaman, 26080 Kuantan, Pahang dan kepada Pengurus Malaysia Building Society Berhad yang beralamat di Tetuan Zainab Derahman & Suzana, A 11 Tingkat 2, Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2, 25000 Kuantan, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 1 Disember 2010 telah ditarik balik disebabkan tiada penyambut/pembeli.

Adalah dengan ini diarahkan supaya Lelongan Awam tanah tersebut diadakan bagi kali yang kedua pada 9 Mac 2011 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Kuantan dengan harga rizab sebanyak RM180,000.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang. No. P.T.—12805 (Lot 29196). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 9335 (P.M. 1674). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 5681/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Februari 2011
[PTK. 4.5.1.4745]

NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuantan*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA